

Pemeriksaan Audit Inspektorat TUDM ke atas Pangkalan Udara Kuala Lumpur

airforce.mil.my/arkib/arkib/521-pemeriksaan-audit-inspektorat-tudm-ke-atas-pangkalan-udara-kuala-lumpur



KUALA LUMPUR, 18 Jan 16 - Pemeriksaan Audit ke atas Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah diadakan pada 18 - 21 Jan 16. Tujuan audit berjadual tahunan ini dilaksanakan agar kekurangan dan kelemahan pangkalan/unit di dalam ketiga-tiga kriteria pengauditan iaitu keselamatan, kesiagaan dan pengurusan dapat dikenalpasti dan segera diperbetulkan.

Skop-skop pengauditan tertumpu kepada perkara-perkara berikut:

1. Keselamatan
2. Kesiagaan
3. Pengurusan
4. Pengurusan Senjata dan Bahan Letupan
5. Pengurusan Kejuruteraan
6. Unit *Core Business*
7. Laporan Audit dan Pemeriksaan Agensi Luar Serta Dalaman TUDM Tahun 2015.

Turut hadir semasa pemeriksaan adalah Inspektor Jeneral Tentera Udara, Brig Jen Dato' Johar Razali bin Hj Ahmad TUDM serta Pengarah Inspektorat, Kol Yee Yit Hong TUDM serta pegawai-pegawai yang lain.

Kehadiran mereka turut disambut oleh Komander Pangkalan, Kol Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM serta Pegawai Laksana Pangkalan, Lt Kol Muhammad bin Abdullah TUDM.